

Paus pembunuh paling sunyi di dunia mati

METRO AHAD 12/3/2023 MS. 22

Ottawa: Paus pembunuh terakhir di Kanada disahkan mati di taman tema tempatnya tinggal, kata Kerajaan Ontario pada Jumat.

Jurucakap Kementerian Hal Ehwal Undang-Undang wilayah Kanada, Brent Ross dalam kenyataan memaklumkan paus bernama Kiska menghembuskan nafas terakhir di MarineLand pada Khamis.

Menurutnya, satu bedah siasat sudah dijalankan oleh pakar di MarineLand.

Kiska yang ditangkap di perairan Iceland pada 1979 berusia kira-kira 47 tahun itu diletakkan di MarineLand, taman tema di Air Terjun Niagara, Ontario.

Media tempatan melaporkan MarineLand memaklumkan bahawa kesihatan Kiska merosot dalam

beberapa minggu kebelakangan ini.

"Pasukan penjagaan mamalia marin dan pakar melakukan segala yang mungkin untuk menjaga Kiska dan kini merasai kehilangannya," kata taman tema itu.

Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Kanada Animal Justice yang memperjuangkan hak haiwan menggesa siasatan mengenai rawatan diberikan MarineLand kepada ikan paus pembunuh itu.

Kumpulan hak asasi haiwan *People for the Ethical Treatment of Animals* (Peta) menyifatkan Kiska sebagai paus pembunuh paling sunyi di dunia yang hidupnya menghadapi tragedi demi tragedi selepas lima anaknya mati sebelum berusia tujuh tahun. - Reuters